


Selepas lebih 30 tahun, Dewan Persatuan Badminton Pahang berwajah baharu

- Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
- 12 Jun 2023, 7:49 pm



GELANGGANG Dewan Persatuan Badminton Pahang berwajah baharu selepas dibuat penukaran karpit yang lebih selesa dan berkualiti tinggi.

KUANTAN: Selepas lebih 30 tahun, Dewan Persatuan Badminton Pahang di Indera Mahkota di sini kini berwajah baharu setelah kerja menukar karpit dan lampu di situ siap sepenuhnya pada 31 Mei lalu.

Presiden Persatuan Badminton Pahang, Tengku Aidy Ahmad Shah Tengku Kamil Ismail berkata, di dewan badminton itu, terdapat enam gelanggang dan ini pertama kali penukaran karpet baharu yang lebih selesa dan berkualiti tinggi dibuat.

“Begitu juga lampu, sebelum ini gelanggang ini memakai lampu tiang sejak ia dibuka. Kini kita sudah naik taraf, tiada lagi lampu tiang dan gangguan pendawaian seperti mana sebelum ini,” katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran dewan baharu sempena Kejohanan Badminton Affin-100Plus Junior Elite Tour (Sirkuit Kedua)-Kumpulan A di Dewan Badminton Pahang di sini semalam.



TENGGU AIDY AHMAD SHAH Tengku Kamil Ismail (depan) menandatangani plak perasmian gelanggang baru Dewan Persatuan Badminton Pahang di Kuantan, Pahang. – FOTO/SHAIKH AHMAD RAZIF

Tengku Aidy Ahmad Shah berkata, wajah baharu Dewan Badminton Pahang merupakan antara usaha persatuan dan beliau selaku presiden bagi mencapai misi dan matlamat untuk mengangkat keunggulan skuad badminton negeri ini.

“Matlamat saya dan persatuan untuk melahirkan lebih ramai pemain yang bukan sahaja bertaraf kebangsaan malah antarabangsa,” katanya.

Mengulas Kejohanan Badminton Affin-100Plus Junior Elite Tour (Sirkuit Kedua)-Kumpulan A, beliau berkata, seramai 250 peserta menyertainya dari lima negeri iaitu Pahang, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Melaka.

Katanya, kejohanan lima hari berakhir semalam ini merupakan sirkuit kedua bagi mengumpul mata memasuki pertandingan akhir yang dijadualkan di Kuala Lumpur, bulan hadapan.

“Pada kejohanan sirkuit kedua ini, setiap pemenang hanya menerima medal kerana kejohanan ini selepas sirkuit pertama di Melaka bulan lalu bertujuan mengumpul mata bagi melayakkan diri ke grand final.

“Ketika grand final di Kuala Lumpur nanti baharu Persatuan Badminton Malaysia (BAM) akan menyediakan hadiah berupa wang tunai,” katanya.

Beliau berkata, pada kejohanan sirkuit kedua itu, pemain dari Selangor mendominasi perlawanan apabila menang lima pingat emas, Melaka (tiga emas) dan masing-masing dua emas buat Pahang dan Perak.



PASUKAN badminton Pahang bergambar bersama Tengku Aidy Ahmad Shah Tengku Kamil Ismail (depan, tengah) selepas Kejohanan Badminton Affin-100Plus Junior Elite Tour (Sirkuit Kedua)-Kumpulan A di Dewan Badminton Pahang di Kuantan, Pahang. – FOTO/SHAIKH AHMAD RAZIF

“Pemain perseorangan Pahang 14 tahun, Marcus Hang Yug Hwei yang mendapat johan kali ini merupakan juara perseorangan lelaki 12 tahun di Grand Prix Final (Juara 12 Tahun Malaysia) di Kuala Lumpur tahun lalu.

“Tahun ini, dia naik ke usia 14 tahun dan muncul juara sirkit kedua Kejohanan Badminton Affin-100Plus Junior Elite Tour di negeri ini. Ini merupakan kebanggaan buat negeri ini dan persatuan menerusi pelajar tingkatan satu Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Tanah Putih, Kuantan tersebut,” katanya. – UTUSAN